



Penyedia makanan kampus IPTA dikecuali sewa 6 bulan

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi** - Julai 4, 2022 @ 8:30pm

bhnews@bh.com.my



Pengecualian sewa enam bulan bolehkan pengusaha jual makanan lebih murah kepada pelajar di kampus. - FOTO HIASAN

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersetuju melaksana moratorium bayaran sewaan selama enam bulan mulai bulan ini kepada pengusaha dan penyedia perkhidmatan makanan di dalam kampus Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menterinya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata pelaksanaan itu akan membolehkan tanggungan kos sewaan berkenaan diserap, sekali gus mampu menurunkan harga makanan yang dijual kepada pelajar.

Beliau berkata, KPT juga bersetuju dengan cadangan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) untuk membentuk Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia yang dipengerusikan oleh menteri.

"Ini bagi menyelaras dan melaksana dasar, memantau kawalan harga barang dan perkhidmatan serta membentuk jaringan kolaborasi dengan pihak berkepentingan secara holistik.

"Jawatankuasa ini turut disokong di peringkat institusi melalui jawatankuasa yang dipengerusikan Naib Canselor, Rektor atau pengarah bagi memperkemas pelaksanaan ke atas keputusan dasar di peringkat kementerian," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, KPT akan memperkasa inisiatif Food Bank Siswa dan **Food@Campus** di IPT dengan kerjasama pelbagai kementerian, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan badan persendirian.

"Keluarga Malaysia akan diperkenalkan sebagai inisiatif tambahan yang menawarkan menu makanan berkualiti dengan harga siling RM3.50 setiap hidangan," katanya.

Selain itu, katanya, kemudahan pengangkutan pelajar dalam dan ke luar kampus akan turut ditambah baik melalui penyediaan jadual pergerakan yang lebih kerap bagi memudah dan menjimatkan masa perjalanan aktiviti harian pelajar.

Noraini berkata, KPT akan terus menjaga kebajikan mahasiswa di seluruh negara, selari aspirasi kerajaan yang prihatin serta komited membantu Keluarga Malaysia dalam saat mencabar ini.

"Kementerian maklum peningkatan harga barangan di negara ini turut memberi kesan kepada harga makanan di dalam kampus yang menjadi kekusaran utama pelajar ketika ini," katanya.